

10/05/2003

Petronas patut kaji guna euro

KEMEROSOTAN nilai dolar Amerika sebanyak 25 peratus sejak kebelakangan ini menjejaskan pendapatan dagangan minyak dan gas negara dengan kadar yang sama.

Tidak hairanlah Perdana Menteri lantas mencadangkan Petronas menimbang kemungkinan menggunakan mata wang euro bagi mengelakkan negara terus menanggung kerugian dalam dagangan komoditi berkenaan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, berkata pertumbuhan pendapatan negara akan menikmati manfaat besar terutama apabila nilai euro mengalami kenaikan. Selain euro satu lagi nilai yang boleh dipertimbangkan adalah penggunaan

dinar emas yang tidak begitu bergantung kepada dolar Amerika. Tidak dinafikan sejak bermulanya era pentadbiran Bush belanjawan dan perdagangan

AS mengalami defisit besar selain hutang kerajaan terus meningkat hingga menjejaskan pertumbuhannya.

Dolar AS pula tidaklah sekukuh disangkakan dan ia hanya mampu bertahan kerana persepsi yang tidak disokong fakta sebenar atau lebih tepat lagi keyakinan diberikan kepada dolar tidak berada di asas yang kukuh. Namun keadaan amat berbeza dengan euro dengan ekonomi Jerman khususnya terus utuh dan berkembang pesat. Kedudukan dinar Islam yang disokong pegangan emas juga lebih teguh lagi sedang negara kita terus mencatat lebih dalam

dagangan berturut-turut. Tidak dinafikan sebahagian besar urusan niaga Petronas selama ini menggunakan dolar, tetapi adalah wajar ia menimbang

cadangan Dr Mahathir itu dengan serius bagi mengelakkan kesan buruk jika ekonomi Amerika terus meleset.